DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PONTIAN-BATU PAHAT (PENGGANTIAN) 2030

PLANMalaysia @Johor

Pontian Bersih, Indah dan Menarik



KEPERLUAN PENGGANTIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PONTIAN-BATU PAHAT

Rancangan Tempatan Daerah Pontian - Batu Pahat (RTDPBP) disediakan selaras dengan peruntukan subsekyen 16(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Ia merupakan satu dokumen perancangan yang mengandungi Peta Cadangan dan Pernyataan Bertulis yang memperincikan cadangan-cadangan pemajuan tanah di seluruah kawasan pentadbiran Majlis Daerah Pontian sehingga tahun 2030.

Keperluan penggantian RTDPBP adalah seperti berikut :

- Persempadanan baru Pihak Berkuasa Tempatan Daerah Pontian dan Daerah Batu Pahat
- Kewujudan dasar dan pelan strategik pembangunan.
- Tekanan pembangunan yang mempengaruhi perubahan guna tanah.
- Penyediaan pelan pembangunan yang memberi impak terhadap guna tanah.

MATLAMAT PEMBANGUNAN

"MENGEMBANGKAN AKTIVITI EKONOMI DAERAH PONTIAN BERTERASKAN PELANCONGAN, PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN KE ARAH DAERAH YANG BERDAYA MAJU, SEJAHTERA DAN MAMPAN"

OBJEKTIF PEMBANGUNAN

1. Merancang dan mengawal corak pembangunan guna tanah secara bersepadu dan mampan
2. Merancang dan memperkasakan pembangunan ekonomi yang berdaya saing bagi membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat
3. Mempertingkatkan fungsi pusat-pusat petempatan mengikut hierarki dan fungsi bandar yang saling sokong-menyokong pembangunan daerah keseluruhannya
4. Mempromosikan produk-produk eko dan agro pelancongan sebagai tarikan pelancongan bagi menjana ekonomi penduduk setempat
5. Meningkatkan dan mempelbagaikan produktiviti pertanian dan penternakan sedia ada bagi mengukuhkan ekonomi daerah
6. Merangka pembangunan industri dengan kemudahan infrastruktur sokongan yang lebih komprehensif
7. Memperkukuhkan imej Daerah Pontian sebagai *Southern Sanctuary* bagi menarik pelabur dan pelancong
8. Mengekalkan, memelihara sumberjaya semulajadi dan kawasan persisiran pantai secara mampan dalam mencapai kelestarian alam sekitar
9. Mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat melalui penyediaan perumahan yang mencukupi dan kemudahan asas yang menyeluruh bagi mencapai kesejahteraan rakyat
10. Merancang dan mewujudkan rangkaian sistem pengangkutan dan pengurusan lalu lintas serta infrastruktur yang bersepadu dan efisien
11. Memperkasakan sistem urustadbir Pihak Berkuasa Tempatan melalui projek-projek yang strategik dan berdaya laksana

TERAS PEMBANGUNAN

TERAS PEMBANGUNAN	STRATEGI
TERAS 1: Perancangan Guna Tanah Yang Optimum Dan Holistik	3
TERAS 2: Pertumbuhan Ekonomi Yang Berdaya Maju Dan Berdaya Tahan	8
TERAS 3: Peningkatan Taraf Dan Kualiti Hidup Penduduk	10
TERAS 4: Sistem Rangkaian Perhubungan Dan Infrastruktur Yang Komprehensif	4
TERAS 5: Pengurusan Sumberjaya Semulajadi Secara Mampan	1
TERAS 6: Sistem Urustadbir Yang Cekap	2

DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PONTIAN-BATU PAHAT (PENGGANTIAN) 2030

PLANMalaysia @Johor

Pontian Bersih, Indah dan Menarik

KONSEP PEMBANGUNAN

"PEMBANGUNAN DAERAH PONTIAN YANG BERDAYA MAJU, SEIMBANG DAN MAMPAN"

Bagi mencapai matlamat pembangunan Daerah Pontian, ***6*** teras pembangunan telah dijadikan panduan di dalam pembentukan konsep dan ***28*** strategi pembangunan RTDPBP.



1 Perancangan Guna Tanah Yang Optimum Dan Holistik

a. Mengintegrasikan Cadangan Pembangunan Guna Tanah dengan Infrastruktur Yang Bersepadu.

b. Memelihara dan Mengekalkan Kawasan Sensitif Alam Sekitar.
c. Menjalankan Pembangunan di dalam Had Pembangunan yang Dibenarkan.

2 Pertumbuhan Ekonomi Yang Berdaya Maju Dan Berdaya Tahan

a. Meningkatkan Daya Saing Sektor Pertanian Dengan Galakan Penyertaan Sektor Swasta dan Memodenkan Sektor Pengeluaran Makanan bagi Mengurangkan Pergantungan Import.
b. Memperkukuhkan Fungsi Perniagaan Sedia Ada.
c. Mengklusterkan atau Mengezonkan Kawasan Perindustrian.
d. Peningkatan Imej Industri Sedia Ada.
e. Pelaksanaan Modul-modul Menggunakan Hub Sokongan Pendidikan
f. Membangunkan Setiap Kawasan Tumpuan Pelancongan.

g. Mewujudkan Pakej Bersepadu Pelancongan *"Tourist Trail"*.
   - *Eco tourism trail*
   - *Culture & heritage trail*
h. Memperkukuhkan Kemudahan Pelancongan Sedia Ada.

3 Peningkatan Taraf Dan Kualiti Hidup Penduduk

a. Menawarkan Perumahan yang Mencukupi, Berkualiti dan Mampu Milik.
b. Menyediakan Zon Perumahan Selaras Dengan Tekanan Pembangunan Masa Kini dan Masa Hadapan.
c. Transformasi Kawasan Perumahan dalam Bandar dan Melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan.
d. Menyediakan Kemudahan Masyarakat yang Mencukupi dan Terancang.
e. Meningkatkan Kualiti Keselamatan Terhadap Pengguna Kemudahan Masyarakat.
f. Menggalakkan Penyediaan Kemudahan Masyarakat Secara Berintegrasi Dengan Kegunaan Bangunan Lain.
g. Memperkukuhkan Ekonomi Desa.
h. Mewujudkan Petempatan Desa yang Kondusif serta Komuniti yang Sejahtera.
i. Menyediakan Ruang Awam Yang Selesa dan Selamat Serta Penyelenggaraan Secara Komprehensif.
j. Mewujudkan dan Memperkukuhkan Imej Pusat Bandar yang Lebih Jelas dan Beridentiti Berdasarkan Fungsi dan Hierarki.

4 Sistem Rangkaian Perhubungan Dan Infrastruktur Yang Komprehensif

a. Mewujudkan Sistem Pengangkutan Awam yang Komprehensif dan Bersepadu.
b. Menambahbaik Rangkaian Perhubungan Jalan Darat Yang Menyeluruh
c. Mewujudkan Sistem Pengangkutan Logistik yang Kompetitif dan Cekap.
d. Menyediakan Prasarana Infrastruktur dan Utiliti yang Mencukupi dan Mampan.

5 Pengurusan Sumberjaya Semulajadi Secara Mampan

a. Mengekalkan, Memelihara dan Menguruskan Kawasan-kawasan Sumberjaya Alam Sekitar dan Kawasan yang Berkepentingan Tinggi.

6 Sistem Urustadbir Yang Cekap

a. Memperkasa Organisasi Pihak Berkuasa Tempatan.
b. Meningkatkan Hasil Pendapatan dan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan.